

SULIT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

NO. SOALAN : 383

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan di **KETENGAH** mulai Januari 2015 hingga September 2016.

SULIT

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KETENGAH sentiasa prihatian memastikan kemajuan pembangunan serta kesejahteraan masyarakat di dalam wilayahnya dapat ditingkatkan secara berterusan. Penekanan kepada peluang pekerjaan sentiasa menjadi keutamaan oleh KETENGAH di dalam memastikan peningkatan dan taraf hidup masyarakat dapat dipertingkatkan daripada semasa ke semasa.

Sepanjang tempoh Januari 2015 hingga September 2016, KETENGAH telah menyediakan lebih 1,150 peluang pekerjaan baru yang merangkumi sektor-sektor utama seperti berikut:-

- i. Sektor Pelancongan
- ii. Sektor Perkhidmatan
- iii. Sektor Perladangan
- iv. Sektor Keusahawanan

Maklumat terperinci meliputi sektor, bilangan dan kategori pekerjaan adalah seperti di Lampiran 1.

SULIT

Sesungguhnya, usaha untuk meningkatkan peluang-peluang pekerjaan ini bukan sahaja dilaksanakan oleh KETENGAH malah turut dilaksanakan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan kerjasama daripada agensi-agensi lain sama ada kerajaan, swasta atau persendirian. Sehingga kini, KETENGAH sentiasa berusaha mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk mempastikan penduduk dalam wilayah ini sentiasa mempunyai peluang-peluang pekerjaan bagi mengelakkan masalah penganguran daripada meningkat.

Lampiran 1

Peluang Pekerjaan Wilayah KETENGAH bagi Januari 2015 hingga September 2016

Bil.	Sektor	Bilangan Peluang Pekerjaan	Kategori Pekerjaan
1.	Pelancongan	350	Penjawat awam / swasta, Pengusaha Resort / House Bot, Pengusaha bot laju, Peniaga, Pekerja Penyelenggaraan dan Buruh
2.	Perkhidmatan	150	Penjawat awam / swasta, Pekerja penyelenggaraan, Pembekalan, Institusi pengajian / latihan ,

SULIT

			RTC
3.	Perladangan	300	Perkhidmatan, Pembekalan, Pengangkutan, Buruh Ladang, Petani dan Penternak
4.	Keusahawanan	350	Peniaga, Usahawan IKS, Perkhidmatan, Kontraktor, Institusi latihan, Pelatih Keusahawanan
Jumlah	1,150		

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI**
KAWASAN : **DUNGUN**

SOALAN:

YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan statistik penggunaan LPT2 sebelum dan selepas kutipan tol bermula pada 15 Ogos 2016 yang lalu.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh dari 1 Januari hingga 30 September 2016, jumlah kenderaan yang menggunakan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) ialah seperti berikut:

BULAN (2016)	JUMLAH TRAFIK
Januari	695,858
Februari	798,137
Mac	886,638
April	790,363
Mei	884,653
Jun	799,786
*Julai	964,447
Ogos	525,849
September	710,821
JUMLAH	7,056,552

*Nota: Kutipan tol di LPT2 telah diwartakan mulai pada **15 Julai 2016**.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 385

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI

RUJUKAN : 9452

SOALAN:

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah mangsa tembakan jarak dekat dari Januari 2015 hingga 30 September 2016 dan apakah tindakan pihak berkuasa untuk membendung gejala tersebut.

JAWAPAN:

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa berusaha untuk menentukan keselamatan negara dan kententeraman awam terkawal dan mengambil langkah bagi mengekang jenayah melibatkan penggunaan senjata api.

Berdasarkan statistik, kes mangsa tembakan jarak dekat dan cubaan bunuh bersenjata api telah menunjukkan penurunan ketara dari tahun 2015 hingga September 2016 seperti berikut:

STATISTIK JUMLAH MANGSA TEMBAKAN JARAK DEKAT DARI TAHUN 2015 HINGGA SEPTEMBER 2016

KES JENAYAH	PECAHAN MANGSA											
	2015 (JAN-DIS)						2016 (JAN-SEPT)					
	BUMI	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN BANGSA	JUMLAH	BUMI	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN BANGSA	JUMLAH
BUNUH BERSENJATAPI	7	11	8	17	1	45	4	6	7	6	1	24
CUBA BUNUH BERSENJATAPI	0	16	19	21	7	63	0	12	11	9	7	39
JUMLAH	7	27	27	38	8	108	4	18	18	15	8	63

Pelbagai usaha dan inisiatif telah diambil oleh PDRM dan agensi penguatkuasa yang lain untuk mengekang jenayah ini seperti berikut:

- i. mendirikan beberapa *Ballistic Sentry Post* di sempadan Malaysia-Thailand (Kedah dan Perlis) bagi mengawal penyeludupan senjata api;

- ii. menubuhkan Unit Risikan Sempadan (URS) bagi menangani kes-kes penyeludupan senjata api, penyeludupan manusia dan kenderaan;
- iii. meningkatkan operasi dalam Op Cantas Khas dengan menggabungkan pasukan khas dalam PDRM seperti STAFOC, STAGG dan STING mengambil kira penggunaan senjata api digunakan dalam kebanyakan aktiviti jenayah;
- iv. memperhebat operasi melalui Op Api bagi mengesan senjata api yang cuba diseludupi masuk dan Op Laras bagi mengesan senjata api dalam negara termasuk senjata api buatan sendiri;
- v. mewajibkan semua senjata api berlesen mendaftar dengan pihak Forensik PDRM bagi tujuan kawalan dan membantu siasatan; dan
- vi. mengambil tindakan di bawah POCA, AMLATFA dan SOSMA bagi tujuan pencegahan aktiviti melibatkan penggunaan senjata api.

Kementerian juga berkerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk memantau integriti pegawai penguatkuasa di sempadan dan menentukan mereka tidak terlibat dengan penyeludup atau penyalahgunaan kuasa semasa menjalankan tugas.